

Teknologi Pintar Sebagai Medium Perhubungan Semasa Aidilfitri



Oleh: Aminah Ibrahim

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 28 Jun 2021

Kerajaan memutuskan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara bermula 12 Mei lalu.

Perintah tersebut dikeluarkan susulan peningkatan kes Covid-19 secara mendadak dengan jumlah kes harian melebihi 4,000 kes setakat 10 Mei lalu.

Berikutan pelaksanaan PKP, kegiatan ziarah rumah ke rumah dan ziarah kubur semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Sekatan rentas negeri dan daerah juga menyebabkan ramai umat Islam di Malaysia tidak dapat pulang ke kampung halaman bagi meraikan Hari Raya Aidilfitri bersama keluarga tercinta.



Gambar hiasan

Semestinya, kerinduan yang terbuka dalam diri terhadap keluarga membuak-buak. Namun, bagi mengelakkan negara terjerumus ke dalam malapetaka kesihatan yang lebih parah, semua rakyat perlu berganding bahu, bersatu dalam memutuskan rangkaian Covid-19 dengan akur terhadap arahan kerajaan.

Hal ini bertepatan dengan kaedah *fiqh al-dharar yuzal* yang bermaksud mudarat wajib dihilangkan.

Pada masa yang sama, kerinduan terhadap insan-insan tersayang dan rakan-rakan dapat diubati dengan penggunaan pelbagai peranti pintar yang canggih sebagai medium perhubungan.

Biarpun sambutan Aidilfitri tahun ini cukup berbeza tanpa tradisi pulang ke kampung beraya bersama keluarga dan sanak saudara tercinta serta aktiviti ziarah ke rumah rakan-rakan, kemeriahan tetap dirasakan melalui penggunaan aplikasi panggilan video.

Semua orang boleh memanfaatkan teknologi komunikasi untuk menatap wajah-wajah yang dirindui pada pagi Syawal, walaupun terpaksa berjauhan kerana tidak dapat pulang ke kampung.

Sebelum ini, gambar swafoto bersama keluarga dan rakan-rakan seolah-olah menjadi kemestian untuk dipaparkan dalam laman sosial. Kali ini, tangkap layar panggilan video secara berkumpulan pula menjadi pilihan.

Kaedah itu digunakan bagi menayangkan suasana 1 Syawal yang diraikan dengan penuh kesyukuran dan kesederhanaan.

Di samping itu, adat memberi duit raya kepada ibu bapa dan sanak saudara juga boleh dilakukan melalui transaksi tunai secara dalam talian.

Walaupun beraya secara sederhana, kita tetap perlu bersyukur kerana masih dapat meluangkan masa bersama keluarga secara maya dalam keadaan aman.

Dalam Islam juga diterapkan sifat *qanaah* iaitu berasa cukup atas segala nikmat yang telah diberikan dan selalu reda atas hasil yang diterima.

Janganlah pula disebabkan tidak boleh pulang ke kampung menyambut 1 Syawal, hilang sifat syukur dalam diri. Walhal, banyak lagi nikmat lain yang Allah SWT telah kurniakan kepada kita.

Sekatan pergerakan tidak menghalang kita daripada memanfaatkan teknologi terkini untuk saling berhubung dengan insan-insan tersayang sekali gus mengurangkan kerinduan akibat terlalu lama berjauhan.

Semoga Malaysia segera bebas dari ancaman Covid-19 sekali gus membolehkan kita menyambut Hari Raya Aidilfitri seperti biasa tahun hadapan.